

# Sultan gesa penuntut Insaniah lengkapi diri dengan ilmu

ALOR SETAR 9 Okt. — Sultan Kedah menggesa penuntut Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) melengkapi diri mereka dengan penguasaan ilmu selain daripada pengajian berteraskan agama yang mereka ikuti di institut tersebut.

Baginda bertitah, penguasaan pelbagai ilmu seperti teknologi maklumat akan membolehkan mereka bersaing dengan graduan universiti lain apabila mencari pekerjaan kelak.

“Graduan perlu mengambil peluang untuk belajar teknologi maklumat dengan mendalam,” titah baginda pada majlis Hafluttakharruj atau konvokesyen kali keempat Insaniah di Dewan Seri Negeri di sini hari ini.

Baginda bertitah, langkah Insaniah memperkenalkan program baru seperti teknologi maklumat, perakaunan dan pengurusan perlu digunakan sebaik mungkin oleh pelajar institut tersebut untuk memperluaskan pengetahuan mereka.

## Agama

Sultan Kedah yakin Insaniah bukan sahaja mampu melahirkan graduan yang berlatarbelakangkan pendidikan agama tetapi juga dalam bidang yang lain.

Bagaimanapun titah baginda, graduan yang baik bukan sahaja dinilai oleh pencapaian akademiknya semata-mata tetapi juga sumbangan yang mereka berikan kepada masyarakat.

Pada konvokesyen kali ini, sebanyak 218 pelajar Insaniah menerima diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian Usuludin, Syariah dan Bahasa Arab.

Sebanyak 77 daripada mereka merupakan graduan sulung ijazah sarjana muda yang menamatkan pengajian empat tahun di institut tersebut manakala 13 lagi menamatkan pengajian tahun empat di Universiti Al Azhar di Mesir.

Sementara itu, pelajar Kuliah Bahasa Arab, Mohd. Tarmizi Hassan, 24, diumumkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Sultan Kedah yang mengambil kira pencapaian akademik dan penglibatan pelajar dalam kokurikulum.

Tarmizi yang berasal dari Kampung Tok Besah, Pendang berkata, dia berhasrat menyambung pelajaran ke peringkat sarjana dalam bahasa Arab yang baru ditawarkan oleh Insaniah.